

IHPR meningkat 0.2% pada September

PETALING JAYA: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia yang mengukur harga barang di pintu kilang meningkat 0.2 peratus pada September 2023 berbanding -2.2 peratus pada bulan sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan.

Ini merupakan peningkatan pertama selepas penurunan tujuh bulan berturut-turut sejak Februari 2023 disebabkan oleh kesan asas dan harga komoditi utama yang lebih tinggi.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan marginal itu disumbangkan oleh semua sektor kecuali sektor pembuatan.

Ujarnya, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 3.2 peratus (Ogos 2023: -1.0 peratus) disebabkan peningkatan dalam pengeluaran ternakan (5.7 peratus) dan penanaman tanaman kekal (3.3 peratus).

“Pada masa sama, sektor perlombongan meningkat sebanyak 6.9 peratus selepas mencatatkan -3.8 peratus pada bulan sebelumnya, disokong oleh pengekstrakan petroleum mentah (8.1 peratus) dan Pengekstrakan gas asli (2.7 peratus).

“Kedua-dua sektor utiliti mencatatkan peningkatan, dengan sektor bekalan elektrik dan gas meningkat 0.5 peratus manakala bekalan air meningkat sebanyak 0.9 peratus.

“Sektor pembuatan kekal negatif lima bulan berturut-turut mencatatkan negatif 0.8 peratus (Ogos 2023: -2.3 peratus), dipengaruhi pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-7.1 peratus) dan pembuatan produk makanan (- 5.3 peratus),” katanya dalam kenyataan.